



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA MENTERI PERPADUAN NEGARA

Saya memandang serius penyebaran kandungan di media sosial menerusi akaun milik seorang pelajar Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) yang menyentuh isu berkaitan agama dan menghina agama Islam sehingga berpotensi menggugat keharmonian awam.

Kerajaan tidak akan berkompromi dalam isu yang melibatkan sensitiviti agama dan kaum. Soal agama tidak seharusnya dipermainkan atau dijadikan bahan provokasi kerana perbuatan sedemikian adalah satu kesalahan dan boleh mencetuskan ketegangan dalam masyarakat majmuk. Saya menyeru semua pihak agar segera menghentikan penyebaran kandungan berunsur kebencian dan tidak bertanggungjawab di mana-mana platform media sosial. Kepelbagaian agama di negara ini adalah aset yang wajib dipelihara, bukan dieksploitasi untuk kepentingan tertentu.

Saya dimaklumkan bahawa siasatan sedang dijalankan dan tindakan tegas akan diambil ke atas mana-mana pelajar yang didapati bersalah atas apa-apa kesalahan tata tertib di bawah Kaedah-Kaedah Universiti dan Kolej Universiti (Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah) (Tatatertib Pelajar) 2024. Pada masa yang sama, pihak polis melalui Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang turut menjalankan siasatan terhadap individu terlibat mengikut lunas undang-undang yang berkuat kuasa.

Kementerian Perpaduan Negara akan terus komited memastikan keharmonian antara kaum dan agama sentiasa terpelihara. Saya menyeru rakyat Malaysia agar bertindak secara matang, berhemah dalam bermedia sosial dan sentiasa menjunjung nilai hormat serta toleransi demi keamanan negara.

YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA

25 Februari 2026

KPN.100-9/1/16 (13)

